

# **KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU BESAR, KOMPETENSI PROFESIONALISME GURU, KOMPETENSI PERIBADI GURU DAN HUBUNGANNYA DENGAN EFIKASI PENGAJARAN GURU SEKOLAH RENDAH DI ZON PEDALAMAN SABAH**

Serirama Ebbie, \*Roslee Bin Talip, & Dayang Norizah Ag  
Kiflee@Dzulkifli

Faculty Psychology and Education, University Malaysia Sabah

\*Coresspondent author's e-mail: roslee\_73@ums.edu.my

*Received date: 23 September 2019; Accepted date: 5 November 2019*

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru dan kompetensi peribadi guru terhadap efikasi pengajaran guru bagi guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah. Kajian ini melibatkan 361 responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah. Pemboleh ubah kajian telah diuji dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan skor min, sisihan piawai dan korelasi *Pearson*. Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah soal selidik yang diadaptasi daripada *Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS)*, Standard Guru Malaysia (SGM) dan *Teacher Efficacy Scale (TES)* bagi mengumpul data daripada 361 responden yang telah melengkapkan borang soal selidik, daripada 54 buah sekolah rendah yang melibatkan tujuh daerah di zon Pedalaman, Sabah. Persampelan secara rawak digunakan dalam pemilihan responden dalam kalangan guru manakala persampelan bertujuan digunakan bagi menentukan bilangan sekolah yang mewakili setiap daerah seperti yang telah ditetapkan. Statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan bagi menghuraikan dapanan kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan pengajaran guru besar ( $Min = 4.52$ ;  $SP = 0.313$ ) pada tahap sangat tinggi, kompetensi profesionalisme guru ( $Min = 4.41$ ;  $SP = 0.295$ ) juga pada tahap sangat tinggi dan kompetensi peribadi guru ( $Min = 4.47$ ;  $SP = 0.366$ ) juga berada pada tahap sangat tinggi manakala efikasi pengajaran guru ( $Min = 3.96$ ;  $SP = 0.358$ ) berada pada tahap tinggi. Data inferensi dianalisis menggunakan Korelasi *Pearson*. Analisis Korelasi *Pearson* mendapat hubungan yang signifikan pada aras sederhana kuat antara kepimpinan pengajaran

guru besar dengan efikasi pengajaran guru ( $r=.514$ ), hubungan yang signifikan pada aras kuat antara kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru ( $r=.790$ ) dan hubungan yang signifikan pada aras kuat bagi kompetensi peribadi guru dengan efikasi pengajaran guru ( $r=.806$ ).

**Kata Kunci: Sekolah Rendah, Zon Pedalaman, Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme, Kompetensi Peribadi Dan Efikasi Pengajaran**

## **PENGENALAN**

Efikasi merupakan tanggapan individu terhadap aras keupayaan diri untuk menghasilkan sesuatu tindakan atau kemahiran. Tahap efikasi pengajaran guru merupakan nadi utama yang akan menentukan hala tuju sesebuah sekolah. Henson (2001), menyatakan efikasi pengajaran merupakan ciri-ciri yang perlu ada pada setiap guru agar dapat membantu pelajar dalam perkembangannya. Kepimpinan pengajaran merupakan satu bentuk kepimpinan yang menekankan kepada keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (Ishak, 2003). Perkara utama dalam kepimpinan pengajaran ialah untuk memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan faktor kepada kejayaan akademik murid-murid. Penekanan kepada *core-business* ini menjadikan sekolah lebih cemerlang dalam pencapaian akademik murid. Kepimpinan pengajaran guru besar merujuk kepada peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh guru besar, yang terdiri daripada membentuk dan menyebarkan matlamat sekolah, membentuk piawai dan harapan positif, menguruskan kurikulum, menyelia dan menilai pembelajaran, mempromosikan peluang pembelajaran kepada murid dan menggalakkan perkembangan profesional kepada guru-guru (Boe Lahui-Ako, 2001).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Persepsi masyarakat terhadap konsep guru yang berkesan masih merujuk kepada sekolah yang dapat memberi kesan dan pengaruh dalam mempertingkatkan pencapaian akademik sekolah. Prestasi pencapaian akademik sekolah pula dikaitkan dengan kesan daripada amalan pengajaran guru dalam bilik darjah. Kecemerlangan akademik sekolah seringkali dijadikan sebagai penentu tahap keberkesanan sesebuah sekolah. Terdapat banyak kekangan yang harus dihadapi oleh para guru dalam menuaikkan tanggungjawab mereka sebagai pendidik sehingga memberi kesan kepada tahap kemajuan akademik. Antara masalah yang

---

perlu dihadapi oleh guru-guru adalah latar belakang pendidikan keluarga pelajar yang tidak tinggi (Muhiddin, 2008) dan kemiskinan (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah, 2008). Guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah juga menghadapi kesukaran untuk akses kepada pendidikan kerana kemudahan infrastruktur yang sangat terhad. Dalam kajian yang dijalankan oleh Sinagatullin (2001), sekolah Pedalaman tidak memiliki kemudahan makmal dan bahan bantu mengajar, tiada perpustakaan, muzium dan kemudahan bersukan menyebabkan mereka ketinggalan dan terasing. Pelajar tidak dapat akses kepada pendidikan disebabkan oleh masalah kemudahan infrastruktur. Oleh itu, guru telah dijadikan sebagai sumber rujukan utama bagi para pelajar (Sinagatullin, 2001; Barter, 2008).

Guru-guru menghadapi kekurangan akses dalam pendidikan kerana mereka berada di kawasan terpencil. Penyaluran bantuan pendidikan daripada pihak berwajib juga adalah terhad kerana jarak yang jauh dan kos penghantaran yang tinggi. Keadaan bertambah sukar apabila guru-guru tidak dapat menghadiri latihan dalam perkhidmatan kerana jarang terpilih untuk menyertainya (lazimnya latihan dalam perkhidmatan dijalankan di kawasan bandar). Dalam kajian Midthassel *et al.*, (2002), guru-guru kawasan Pedalaman, jarang menghadiri latihan dalam perkhidmatan walaupun latihan tersebut penting sebagai satu sistem sokongan bagi guru dalam meningkatkan kemahiran mengajar dan menghadapai persekitaran di kawasan Pedalaman yang sangat mencabar. Kekurangan menghadiri latihan dalam kalangan guru zon Pedalaman perlu diberi perhatian serius kerana program latihan profesionalisme berfungsi sebagai *platform* yang membolehkan para pendidik untuk mendapatkan pengetahuan serta kemahiran mengajar (Fetherston, 2007) dan seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Guskey, 2000). Program seumpama itu juga dianggap sebagai komponen kritikal bagi semua warga pendidik dalam membentuk guru yang berkelayakan tinggi dan berilitzam (Amin, 2008).

Motivasi kerja guru yang menurun juga sering dijadikan isu. Motivasi kerja semakin menurun berlaku apabila seorang guru berasa tidak bersemangat untuk mengajar sehingga hilang fokus, tiada upaya dan semangat untuk menjalankan tugas kerana menghadapi masalah tertentu (M Nur & Norasmah, 2009).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dewasa ini, cabaran dunia pendidikan semakin dirasakan oleh guru-guru. Banyak kritikan telah disuarakan oleh masyarakat mengenai kaedah pengajaran dan aktiviti yang dikendalikan oleh guru-guru dalam bilik darjah (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Keberkesanannya guru dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik semakin dipertikaikan. Guru sentiasa diingatkan dan ditekankan mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai tenaga pengajar agar melaksanakan peranan dengan lebih berkesan khususnya semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran kerana diyakini penyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik di sekolah (Hallinger, 2011). Asas kejayaan sesebuah sekolah banyak bergantung kepada guru besar sebagai pemimpin pengajaran dan kordinasi para guru selaku tenaga pengajar. Kenyataan ini bersesuaian dengan Hallinger (2003), yang mendapati kepimpinan pengajaran mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kejayaan sekolah dalam bidang akademik. Guru-guru perlu mempunyai kemahiran-kemahiran bukan sahaja kemahiran mengajar, tetapi juga kemahiran mengurus, memimpin, komunikasi yang berkesan dengan guru lain, mampu menyelesaikan masalah, serta mempunyai etika kerja yang tinggi (Nashuha, 2009).

Kegagalan dalam memahami dan menerapkan kaedah pengajaran yang sesuai dalam konteks masalah di zon Pedalaman, Sabah menjadi cabaran kepada guru kerana faktor ini boleh menjadi punca kepada ketidakupayaan pelajar dalam mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Situasi ini memberi kesan terhadap tahap efikasi pengajaran bagi guru. Menurut Eppley (2009), guru-guru di Pedalaman memerlukan pendekatan pengajaran yang berbeza dengan guru di bandar disebabkan ciri kehidupan masyarakat (biasanya untuk penduduk pribumi) adalah unik. Guru-guru juga sering dinilai berdasarkan pengalaman guru tersebut dalam bidang pendidikan. Dapatan kajian Mannullang (2002) dan Tillmon (2002), menyatakan semakin bertambah pengalaman seseorang guru dalam pendidikan, semakin bertambah tinggi pengetahuannya. Situasi ini menjadi satu cabaran bagi para guru novis. Masyarakat setempat sentiasa ada keraguan terhadap guru-guru baharu khususnya keupayaan dalam pengawalan bilik darjah.

Tahap kompetensi guru juga sangat penting untuk dikaji bagi guru-guru di zon Pedalaman, Sabah. Tugas seorang guru bukan sahaja mengajar, tetapi

---

turut meliputi tugas lain seperti mengelola aktiviti pelajar, mengurus organisasi, mengurus jawatan kuasa dan bekerjasama dengan guru lain dalam melaksanakan agenda-agenda pendidikan di sekolah. Menurut Nasuha (2009), kesemua elemen seperti kemahiran mengajar, kemahiran mengurus, komunikasi yang berkesan dan mampu menyelesaikan masalah merupakan elemen yang menjurus kepada pembentukan kendiri seseorang guru. Kesepadan antara elemen-elemen kemahiran akan dapat melahirkan insan guru yang bijak berkomunikasi, bijak menyesuaikan diri dengan persekitaran serta berupaya menterjemahkan ilmu pendidikan sebagai satu sumbangan yang bermakna terhadap sekolah khususnya dan dunia pendidikan amnya (Rozanis, 2006). Isu lain yang sering ditimbulkan dalam profesi keguruan adalah berkenaan dengan tahap efikasi pengajaran bagi guru yang semakin menurun. Efikasi pengajaran semakin menurun apabila seorang guru berasa tidak lagi bersemangat untuk mengajar sehingga hilang fokus, tiada upaya dan semangat untuk menjalankan tugas kerana menghadapi masalah tertentu (M Nur & Norasmah, 2009). Proses pengajaran guru merupakan indeks yang terbaik dalam meningkatkan tahap efikasi pengajaran bagi guru. Penglibatan guru mempunyai implikasi yang kuat bukan sahaja untuk pertumbuhan profesional dan kualiti pengajaran tetapi juga untuk prestasi pelajar-pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah kajian, penyelidik menetapkan dua objektif kajian iaitu:

- Mengenal pasti tahap skor min kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru, kompetensi peribadi guru dan efikasi pengajaran guru dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah.
- Mengenal pasti hubungan antara boleh ubahpemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru, kompetensi peribadi guru dan efikasi pengajaran guru bagi guru-guru sekolah rendah kawasan di zon Pedalaman, Sabah.

## **SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang telah dikemukakan, beberapa persoalan kajian telah dibentuk:

- Apakah tahap skor min kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru, kompetensi peribadi guru dan efikasi pengajaran guru dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah?
- Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar dengan efikasi pengajaran guru dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah?
- Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah?
- Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara kompetensi peribadi guru dengan efikasi pengajaran guru dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah?

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Bersesuaian dengan tujuan kajian, hipotesis berikut telah dibentuk untuk meneliti hubungan antara kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru, kompetensi peribadi guru dengan efikasi pengajaran guru bagi guru-guru sekolah rendah di zon Pedalaman, Sabah.

- H<sub>o</sub>1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubahpemboleh ubahkepimpinan pengajaran guru besar dengan efikasi pengajaran guru.
- H<sub>o</sub>2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubahpemboleh ubah kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru.
- H<sub>o</sub>3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi peribadi guru dengan efikasi pengajaran guru.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Matlamat umum kepimpinan pengajaran guru besar adalah untuk memperbaiki atau mengekalkan keadaan-keadaan yang menggalakkan pembelajaran pelajar-pelajar. Kemahiran dan kecekapan guru besar mengamalkan kepimpinan pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran adalah wajar (Rahmad & Shahrir, 2005). Kajian oleh Mohd. Yusri Ibrahim dan Aziz Amin (2014), berjaya mengenal pasti dua elemen yang saling berkait untuk meningkatkan keberkesanan organisasi sekolah

---

iaitu kepimpinan pengajaran guru besar dan kompetensi pengajaran guru. Byrk *et al.*, (2010), mendapati kepimpinan pengajaran mampu memainkan peranan sebagai pemacu perubahan di sesebuah sekolah. Sehubungan dengan itu, guru yang berefikasi pengajaran tinggi akan mampu memberi sumbangan terhadap kejayaan sekolah dalam memberi nilai tambah kepada *outcome* pelajar.

Yusuf Ahmad (2008), menyatakan guru-guru telah melalui pelbagai latihan yang berbeza. Guru-guru juga sentiasa berhadapan dengan masalah apabila bertugas di sekolah. Dalam kajian Yusuf Ahmad (2008), didapati guru kerap menghadapi kejutan realiti, penyesuaian diri kepada persekitaran sekolah dan masalah-masalah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini banyak menjelaskan peranan guru sebagai seorang profesional sekaligus mempengaruhi tahap profesionalisme guru berkenaan. Dembo dan Gibson (1985), menyatakan untuk memahami efikasi pengajaran guru dengan lebih mendalam, beberapa kajian perlu dilakukan dengan mengambilkira beberapa faktor seperti pendidikan, sosialisasi guru dan organisasi sekolah. Manakala bagi Ashton dan Webb (1986), efikasi pengajaran guru boleh dibentuk kerana mereka memerlukan keterampilan untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan. Gideonse (1982), menyarankan jika efikasi pengajaran diperlukan, latihan guru harus dijalankan dalam masa yang panjang dan melibatkan banyak tempat kerana keadaan sekolah yang tidak sama.

Selaras dengan takrifan efikasi pengajaran itu sendiri yang bermaksud kebolehpercayaan terhadap kemampuannya dalam membantu orang lain, jelas bahawa tahap efikasi pengajaran guru merupakan faktor utama dalam menentukan tahap pencapaian sesebuah sekolah. Ini selaras dengan kajian Tajul Ariffin Nordin dan Nor' Aini Dan (2002), yang menyatakan bahawa konsep ibadah dalam profesion perguruan semakin pudar. Senario ini menyebabkan ramai dalam kalangan pendidik semakin alpa dengan tanggungjawab sebenar mereka sebagai guru. Menurut Liaw (2009), pengaruh pengajaran guru secara kelas dan berkumpulan memainkan peranan penting dalam meningkatkan efikasi pengajaran guru. Efikasi pengajaran guru boleh meningkat melalui pengalaman yang dilalui dalam pengajaran di kelas dan perbincangan kumpulan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan. Manakala teknik pengumpulan data dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak daripada beberapa buah sekolah, bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru dan kompetensi peribadi guru terhadap efikasi pengajaran guru. Penggunaan borang soal selidik adalah sesuai kerana kaedah ini mengurangkan masa dan kos kajian (Gay dan Peter, 2003). Penggunaan borang soal selidik juga dapat mengelakkan responden daripada dipengaruhi oleh penyelidik (Sabitha Marican, 2009). Item yang seragam memudahkan penyelidik untuk menganalisis data (Ahmad Mahzan Ayob, 1995). Kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferens.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Analisis Skor Min**

Jadual 1 menunjukkan min keseluruhan bagi pemboleh-pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar ialah 4.52 (S. P. = .34). Nilai min ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar mempunyai nilai kepimpinan pengajaran pada tahap yang sangat tinggi. Analisis keseluruhan skor min pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar adalah seperti dalam jadual 1. Min keseluruhan bagi pemboleh ubah kompetensi profesionalisme guru ialah 4.44 (S. P. = .37). Nilai min ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kompetensi profesionalisme guru mempunyai nilai kompetensi profesionalisme pada tahap yang sangat tinggi. Min keseluruhan bagi pemboleh ubah kompetensi peribadi guru ialah 4.42 (S. P. = .39). Nilai min ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kompetensi peribadi guru mempunyai nilai kompetensi peribadi pada tahap yang sangat tinggi. Min keseluruhan bagi pemboleh ubah efikasi pengajaran guru ialah 3.99 (S. P. = .29). Nilai min ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah efikasi pengajaran guru mempunyai nilai efikasi pengajaran pada tahap yang tinggi.

Jadual 1: Skor Min Pemboleh Ubah Kepimpinan Pengajaran Guru Besar

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kepimpinan Pengajaran Guru Besar	4.52	.34	Sangat Tinggi
Kompetensi Profesionalisme Guru	4.44	.37	Sangat Tinggi
Kompetensi Peribadi Guru	4.42	.39	Sangat Tinggi
Efikasi Pengajaran Guru	3.99	.29	Tinggi

### **Hubungan Antara Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Kompetensi Profesionalisme Guru, dan Kompetensi Peribadi Guru Dengan Efikasi Pengajaran Guru**

Analisis korelasi dalam jadual 2 menunjukkan [ $r = .514^{**}$ , ( $N = 361$ ),  $p < .05$ ] antara pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar dengan pemboleh ubah efikasi pengajaran guru. Ini menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar dengan pemboleh ubah efikasi pengajaran guru. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah pada tahap kuat seperti yang dicadangkan oleh Borg & Gall (1983). Oleh yang demikian, hipotesis  $H_01$  iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar dengan efikasi pengajaran guru ditolak.

Jadual 2: Analisis Korelasi Pemboleh ubah Kepimpinan Pengajaran, Kompetensi Profesionalisme Guru, dan Kompetensi Peribadi Guru dengan Efikasi Pengajaran Guru ( $N = 361$ )

	Efikasi Pengajaran Guru
Kepimpinan Pengajaran	.514**
Kompetensi Profesionalisme Guru	.790**
Kompetensi peribadi Guru	.806**

\*\*Signifikan pada tahap  $p < .01$  (2-hujung)

Analisis korelasi menunjukkan [ $r = .790$ , ( $N = 361$ ),  $p < .05$ ] antara pemboleh ubah kompetensi profesionalisme guru dengan pemboleh ubah efikasi pengajaran guru. Ini menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kompetensi profesionalisme guru dengan pemboleh ubah efikasi pengajaran guru. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah pada tahap sangat kuat seperti yang dicadangkan oleh Borg & Gall (1983). Oleh yang demikian, hipotesis  $H_02$  iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru ditolak.

Analisis korelasi menunjukkan  $[(r = .806, (N = 361), p < .05)]$  antara pemboleh ubah kompetensi peribadi guru dengan pemboleh ubah efikasi pengajaran guru. Ini menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kompetensi peribadi guru dengan pemboleh ubah efikasi pengajaran guru. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah adalah pada tahap sangat kuat seperti mana yang dicadangkan oleh Borg & Gall (1983). Oleh yang demikian, hipotesis  $H_03$  iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kompetensi peribadi guru dengan efikasi pengajaran guru ditolak.

## **PERBINCANGAN**

Model Hallinger & Murphy (1985) dan Model Standard Guru Malaysia (SGM, 2009) yang dijadikan landasan utama kajian menunjukkan pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme dan kompetensi peribadi guru mempunyai hubungan dengan efikasi pengajaran guru. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa model kajian yang dicadangkan adalah sesuai dengan data yang diperoleh daripada responden. Model ini menunjukkan dapatan yang menggambarkan dengan jelas bahawa pemboleh ubah kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme dan kompetensi peribadi guru merupakan peramal kepada tahap efikasi pengajaran guru bagi guru-guru di zon Pedalaman, Sabah. Penggalakan perkembangan profesionalisme adalah sangat penting bagi guru-guru di zon Pedalaman, Sabah dalam membantu tugas mereka dalam bilik darjah. Menurut Latip (2007), mutu pengajaran guru-guru dapat dipertingkatkan apabila aktiviti menyelia dan menilai pengajaran guru yang dianggap memotivasisertan serta mengawal kualiti perkhidmatan guru yang profesional. Kajian ini menunjukkan pemboleh ubah peribadi guru juga merupakan peramal kepada tahap efikasi pengajaran guru di mana wujud hubungan signifikan yang positif. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian-kajian lepas seperti Rohani Arbaa *et al.*, (2010), Klausen (2010) dan Maksic' & Pavlovic' (2011), yang mendapati bahawa ciri kualiti guru merupakan peramal terbaik terhadap komitmen belajar dalam kalangan pelajar. Dapatkan kajian boleh dijadikan panduan kepada para pengkaji lain pada masa hadapan, khasnya berkaitan dengan hubungan kepimpinan pengajaran guru besar, kompetensi profesionalisme guru dan kompetensi peribadi guru dengan efikasi pengajaran guru.

---

Berdasarkan perbincangan di atas, berikut dirumuskan beberapa cadangan untuk meningkatkan efikasi pengajaran guru bagi memastikan ianya memberi impak kepada penguasaan pelajar dan pencapaian akademik sekolah. Kajian selanjutnya disaran menggunakan guru-guru sekolah menengah dan juga para pensyarah di Institut Pengajian Tinggi sebagai responden. Kajian lanjut perlu dilakukan dengan mengambil kira skop lokasi, populasi dan latar belakang sekolah yang berbeza. Penyelidik juga mencadangkan supaya kajian selanjutnya dijalankan menggunakan reka bentuk eksperimental dan menggunakan pendekatan kualitatif.

## KESIMPULAN

Guru mempunyai peranan yang sangat penting dalam usaha membantu para pelajar dan juga organisasi sekolah untuk mencapai objektif yang sudah ditetapkan. Guru bukan sahaja menyampai ilmu akan tetapi guru juga memikul tanggung jawab besar agar dapat melahirkan modal insan yang cemerlang. Oleh itu, guru seharusnya mempunyai tahap efikasi pengajaran yang tinggi supaya berupaya menyempurnakan tugasannya dengan lebih efisien.

## RUJUKAN

- Ahmad Mahzan Ayub. (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amin Senin. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Ashton, P. T. dan Webb, R.B. (1986). *Making A Difference: The Teacher's Sence of Efficacy and Students Achievement*. New York: Longman.
- Barak M. dan Shakhman L. (2007). Reform-based science teaching: Teacher's instructional practices and conceptions. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 4(1),11-20.
- Barter, B. (2008). Rural Education: Learning To Be Rural Teachers. *Journal of Workplace Learning*, 20(7/8), 468-479.
- Bryk, A., Sebring, P., Allensworth, E., Luppescu, S., & Easton, J. (2010). Organizing School for Improvement: Lesson from Chicago. Chicago: The University of Chicago Press.
- Fetherston, T. (2007). *Becoming An Effective Teacher*. Melbourne: Thomson.
- Gay, L. R. (2003). *Education Research, Competencies For Analysis And*

- Application.* New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Guskey, T. R. (2000). *Evaluating Professional Development*. California: Corwin Press, Inc.
- Hallinger, P. dan Murphy, J.F. (1985). Assessing the instructional management behaviour of principles. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217-247.
- Hallinger, P. (2003). Leading Educational Change: Reflection on The Practice of Instructional and Transformational Leadership. *Cambridge Journal of Education*. 33(3), 329-351.
- Hallinger, P. (2011). Leadership For Learning: Lesson From 40 Years Of Empirical Research. *Journal Of Educational Administration*. 49(2), 125-142.
- Henson, R. K. (2001). Perceived responsibility of prospective teachers for the moral development of their students. *The Professional Educator*, 23(2), 47-53.
- Jones, R. M. (2009). Science Teaching Time and Practice and Factors Influencing Elementary Teachers' Decisions About Both in Rural, Reservation Schools. Tesis Doktor Falsafah. Montana State University. UMI No:3350498
- Klassen, R.M. et al. (2009). Exploring the validity of a teachers self efficacy scale in five countries. *Contemporary Educational Psychology*, 34(1), 67-76.
- Liaw E.C. (2009). Teacher efficacy of pre-service teachers in Taiwan: The influence of classroom teaching and group discussions. *Teaching and Teacher Education*, 25(1), 176-180.
- M Nur Mustafa & Norasmah Othman. (2009). Motivasi Kerja, Latihan Dalam Perkhidmatan dan Kompetensi Profesional Serta Hubungannya Terhadap Prestasi Kerja Guru Pekan Baru Provinsi Riau, Indonesia. Prosiding Penyelidikan Siswazah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Halaman 219-230.
- Mannullang, M. (2002). *Personnel Management*. Jakarta: Ghalia Indonesian.
- Midthassel, U.V., Manger, T., Torsheim, T. (2002). Community Effects on Teacher Involvement in School Development Activity: A Study of Teachers in Cities, Smaller Towns and Rural Areas in Norway. *Research Paper in Education*, 17(3), 293-303.
- Mohd. Yusri Ibrahim, & Aziz Amin. (2014). Model Kepimpinan Pengajaran Pengetua dan Kompetensi Pengajaran Guru. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 11-25.

- 
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rahmad Sukor Ab. Samad & Shahrir Jamaluddin. (2005). Peranan kepimpinan Guru Dalam Mempengaruhi Iklim Bilik Darjah. *Masalah Pendidikan*. Universiti Malaya. Halaman 117-129.
- Sashkin, M., & Sashkin, M. G. (1993). Leadership And Culture Building In School. Dim
- Sinagatullin, I. M. 2001. Expectant Times: Rural Education in Russia. *Journal Education Review*, 53(1)37-45.
- Tillman, D. (2002). Living Values: Late Educational Programme Educators Training Guide. USA: HC Inc.